

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.2 (71)

20 Oktober 2014
25 Zulhijjah 1435

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 41/2014

SISTEM WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT/ANJAL UTM JOHOR BAHRU (SisWA)

Dimaklumkan bahawa Universiti telah bersetuju untuk melaksanakan waktu bekerja berperingkat/anjali (WBB) di UTM Johor Bahru. Berdasarkan soal selidik di kalangan staf waktu bekerja berperingkat/anjali berikut telah dipersetujui untuk dilaksanakan di UTM Johor Bahru:

WAKTU PERINGKAT (WP)	AHAD HINGGA RABU	KHAMIS	JUMAAT & SABTU
WP1	7.30 pagi hingga 4.30 petang	7.30 pagi hingga 2.00 petang*	Cuti Umum
WP2	8.00 pagi hingga 5.00 petang	8.00 pagi hingga 2.30 petang*	
WP3	8.30 pagi hingga 5.30 petang	8.30 pagi hingga 3.00 petang*	
WP4	8.00 pagi hingga 5.00 petang	8.00 pagi hingga 3.30 petang	

* *Tiada waktu rehat.*

2. Sehubungan itu, semua staf diwajibkan untuk membuat permohonan berdasarkan pilihan WBB tersebut melalui UTMHR di <https://hrfin.utm.my>. WBB wajib dilaksanakan di semua bahagian dan pusat tanggungjawab (PTJ) kecuali bagi pegawai yang tidak mengamalkan waktu pejabat biasa seperti waktu bekerja giliran (*shift*), cuti belajar dan staf lantikan yang dibiayai oleh peruntukan tabung PTJ.

3. Bagi menjamin keberkesanan WBB, pegawai hendaklah membuat perancangan Waktu Berperingkat (WP) yang sesuai dengan memilih WP1 atau WP2 atau WP3 atau WP4 tertakluk kepada persetujuan Ketua Bahagian Pusat Tanggungjawab (PTJ).

4. Bagi staf yang tidak membuat sebarang permohonan, waktu bekerja adalah kekal seperti waktu bekerja biasa. Sebarang permohonan baru pula boleh dibuat setelah enam bulan tempoh pelaksanaan kelulusan WBB kali pertama. Sebagai makluman tambahan, berikut adalah jadual tindakan WBB yang akan dilaksanakan :


TARIKH	TINDAKAN
12 Mac 2014	Kelulusan pelaksanaan WBB (Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil 5/2014)
15 Mac 2014 hingga 24 September 2014	i. Pengumpulan maklumat pelaksanaan WBB ii. Pelaksanaan kajian pilihan WBB di kalangan staf UTM JB iii. Perancangan dan pembangunan sistem
28 September 2014	Latihan penggunaan sistem kepada staf Pengurusan Sumber Manusia (PSM) semua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
1 November 2014 hingga 30 November 2014	Permohonan WBB oleh staf secara dalam talian (<i>online</i>)
1 Disember hingga 31 Disember 2014	Proses pengesahan /kelulusan oleh PSM dan Ketua Bahagian/PTJ
1 Januari 2015	Pelaksanaan WBB di kalangan staf yang terlibat

5. Kerjasama daripada semua pihak amatlah diperlukan bagi kelancaran pelaksanaan WBB di UTM Johor Bahru. Sehubungan itu, semua Ketua Bahagian/ PTJ adalah bertanggungjawab untuk membuat pemantauan dan memastikan WBB adalah dipatuhi oleh semua staf di bawah tanggungjawab masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



WAN MDHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN
Pendaffar

- s.k.
- YBhg Naib Canselor
 - YBhg Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - YBhg Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - YBhg Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
 - YBhg Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

No. Siri Dokumen: 20141020365